

12 JUL 1999

Najib-Firaun

TOLAK PEMIMPIN BUAT KENYATAAN KETERLALUAN, KATA NAJIB

PETALING JAYA, 12 Julai (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak meminta rakyat menolak pemimpin atau parti yang membuat kenyataan keterlaluan seperti menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meniru Firaun dengan membina kediaman rasmi di Putrajaya untuk bermegah-megah.

"Cara yang paling berkesan sekali untuk mengajar mereka ialah dengan rakyat menolak parti atau pemimpin yang membuat kenyataan sedemikian," katanya kepada pemberita ketika mengulas dakwaan itu yang dibuat oleh Presiden PAS Datuk Fadzil Noor semalam.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, berkata demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum perjanjian pelaksanaan program matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan 18 Institusi Pengajian Tinggi Swasta di sini.

Menurut beliau parti pembangkang kini gemar melemparkan pelbagai dakwaan terhadap Umno dan pemimpinnya.

"Dia kata kita kafir, membazir duit rakyat dan sebagainya...itu perbuatan keterlaluan dan tidak berperikemanusiaan," katanya.

Ditanya tentang arahan membunuh pemimpin seperti terkandung dalam kaset yang dilapor diedarkan oleh pihak tertentu di sekolah-sekolah, Najib percaya rakyat Malaysia tidak menerima keganasan politik termasuk pembunuhan.

Menurutnya penggunaan kekerasan dalam politik bukan menjadi sebahagian daripada budaya atau sejarah negara ini.

"Saya percaya rakyat Malaysia tidak suka kepada bidang politik tercemar dan dinodai dengan cara menggunakan kekerasan atau keganasan," katanya.

Semalam, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata namanya turut disebut antara pemimpin yang diarah dibunuh dan menyifatkan arahan itu serta perkataan fitnah dan mencaci Sultan Kelantan yang terkandung dalam kaset berkenaan sebagai perbuatan melampau.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menjadi sasaran ancaman bunuh seumpama itu.

-- BERNAMA

MAM MAI